

BERITA HARIAN

Abdullah janji negara selamat

Demonstrasi tidak gugat usaha kerajaan laksana pembangunan untuk rakyat

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berjanji akan memastikan Malaysia terus berada dalam keadaan aman dan selamat, walaupun negara kini dipengaruhi oleh persepsi yang tidak baik terhadap kerajaan.

"Kerajaan mahu memastikan suatu suasana yang mana rakyat tidak perlu bimbang atau takut dan berupaya memberi tumpuan kepada isu utama bagi memastikan mereka dapat mengatasi masalah dihadapi sekarang dan melakukan yang terbaik untuk diri, keluarga



Kerajaan mahu memastikan suatu suasana yang mana rakyat tidak perlu bimbang atau takut dan berupaya memberi tumpuan kepada isu utama bagi memastikan mereka dapat mengatasi masalah dihadapi sekarang"

*Abdullah Ahmad
Badawi
Perdana Menteri*

serta syarikat atau organisasi yang mereka wakili," kata Perdana Menteri.

Ketika mengulas mengenai demonstrasi yang diadakan oleh sesetengah pihak serta perkembangan politik terkini tanah air, Abdullah berkata, bahawa beliau tidak senang hati dengan apa yang berlaku sekarang.

"Tetapi saya sedar dan memahami keadaan masa ini. Saya juga tahu rakyat semakin muak dengan permainan politik yang berlaku masa ini. Fitnah sudah kian bermaharajalela. Salah atau benar su-

dah tidak diambil kisah," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, keutamaan beliau dalam menghadapi situasi sekarang adalah untuk memberi perhatian kepada perkara atau isu utama seperti menangani kenaikan harga minyak serta barangan dan pembangunan untuk rakyat.

"Pilihan raya sudah selesai. Rakyat sudah pun menentukan amanah yang diberikan kepada parti politik pilihan mereka dan mereka memilih Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah.

"Dengan itu, saya tidak

nampak apa kewajarannya lagi berdemonstrasi, atau bermain politik yang hanya untuk menimbulkan ketidakstabilan yang boleh mengancam keselamatan rakyat. Ia juga bertujuan menumbangkan kerajaan pilihan rakyat," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, beliau berharap rakyat akan bersama beliau untuk beri perhatian kepada usaha mengatasi segala masalah dan cabaran yang dihadapi hari ini agar keamanan, keselamatan serta kesejahteraan rakyat terjaga. - Bernama